



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 12 OKTOBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SUNTIKAN KEPADA SEKTOR PERTANIAN, BELANJAWAN 2020, SH -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	ELAUN SARA HIDUP NELAYAN NAIK KEPADA RM250, BELANJAWAN 2020, SH -7 MALAYSIA KINI -ONLINE SEKTOR PERTANIAN DIUNJUR BERKEMBANG 3.4% PADA 2020, MALAYSIA KINI -ONLINE PERUNTUKAN PENGHASILAN PADI PULUT MANFAAT LEBIH 1,200 PETANI, ASTRO AWANI -ONLINE KENAIKAN ELAUN SARA HIDUP BERI 'NAFAS' KEPADA NELAYAN, BH -ONLINE RAYUAN DIDENGARI, LOKAL, HM -12 RM810J TINGKAT PENDAPATAN 11,600 PENEROKA FELDA, NASIONAL, BH -9	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

BELANJAWAN 2020

Suntikan kepada sektor pertanian

Peruntukan RM4.9 bilion bukti keprihatinan terhadap sektor agromakanan

KUALA LUMPUR

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyifatkan peningkatan peruntukan sebanyak 10.9 peratus iaitu RM4.9 bilion berbanding tahun lalu sebagai suntikan kepada usaha meningkatkan bidang pertanian di negara ini.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, peningkatan peruntukan itu juga membuktikan sektor agromakanan negara mendapat perhatian kerajaan dan akan terus dibangunkan dengan mampan untuk memastikan bekalan makanan selamat serta mencukupi.

Menurutnya, ia selari de-

ngan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dalam usaha Kementerian membantu meningkatkan pendapatan petani, perternak dan nelayan.

"Ia juga berfungsi sebagai pemangkin kepada Rancangan Malaysia ke-12 dan Dasar Agromakanan Negara 2.0.

"Antara tumpuan yang diambil untuk sektor pertanian bagi 2020 termasuklah pemberian elaun dan skim bagi para petani dan nelayan yang masih diteruskan serta langkah pemodenan bagi meningkatkan produktiviti.

"Antara penumpuan bagi sektor pertanian ialah RM855 juta untuk sektor padi. Ini termasuklah RM796 juta bagi Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Intensif Pengeluaran Padi (SIPP).

"Subsidi padi bukit atau huma juga akan diteruskan," katanya kepada pemberita selepas pembentangan Belanjawan 2020 di Dewan Rakyat di sini semalam.

Katanya, sebanyak RM152 juta diperuntukkan kepada nela-



SALAHUDDIN

yan melibatkan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) yang telah dinaikkan daripada RM200 kepada RM250 sebulan.

Menurutnya, kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM150 juta peruntukan sebagai galakan program integrasi tanaman seperti cili, nanas, kelapa, tembikai dan buluh.

"Ini merupakan kekayaan baharu yang boleh meningkatkan hasil petani," katanya.

Jelasnya, peruntukan sebanyak RM43 juta diagihkan untuk



Kerajaan juga berhasrat menjadikan padi pulut sebagai produk perdana Pulau Langkawi bagi meningkatkan pendapatan petani. Kerajaan akan memperuntukkan RM30 juta untuk penghasilan beras pulut di Pulau Langkawi yang dijangka memberi manfaat kepada 1,200 petani.

Industri Pertanian 4.0 bagi membangunkan baka berkualiti dan berproduktiviti tinggi.

"Tidak ketinggalan RM30 juta juga untuk penghasilan beras padi pulut di Langkawi," katanya.

Mengulas lanjut Salahuddin berkata, pihaknya akan menggunakan peruntukan daripada Belanjawan 2020 dengan cermat dan yakin mampu mengagihkannya secara adil serta saksama kepada pihak terlihat.

Elaun sara hidup nelayan naik kepada RM250

KUALA LUMPUR - Elaun sara hidup nelayan akan ditingkatkan daripada RM200 kepada RM250 sebulan.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, ia menjadikan peruntukan keseluruhan untuk elaun itu adalah sebanyak RM152 juta pada 2020.

Menurutnya, dalam usaha membantu petani, nelayan dan pekebun kecil mempelbagaikan sumber pendapatan, kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM150 juta sebagai galakan program integrasi tanaman seperti cili, nanas, kelapa, tembikai dan buluh.

"Kerajaan juga berhasrat menjadikan padi pulut sebagai produk perdana di Pulau Langkawi, Kedah bagi meningkatkan pendapatan petani.

"Bagi menyokong inisiatif ini, kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM30 juta untuk penghasilan beras pulut di Pulau Langkawi yang dijangka memberi manfaat kepada seramai 1,200 petani," katanya pada pembentangan Belanjawan 2020 di Parlimen semalam.

Beliau berkata, bagi meningkatkan hasil padi, kerajaan akan meningkatkan peruntukan input padi sebanyak RM855 juta bagi 2020 berbanding RM796 juta pada 2019 di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim



Kerajaan memperuntukkan RM152 juta bagi peruntukan keseluruhan elaun sara hidup nelayan pada tahun 2020.

Insentif Pengeluaran Padi (SIPP).

"Kerajaan juga akan meneruskan subsidi padi bukit atau padi huma," katanya.

Guan Eng memberitahu, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM200 juta bagi Bantuan Musim Tengkujuh kepada pekebun kecil getah yang layak di bawah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) dan Lembaga

Industri Getah Sabah (LIGS).

Menurutnya, kerajaan memahami kesukaran dihadapi pekebun kecil disebabkan harga getah rendah dan penurunan hasil pada musim tengkujuh.

"Kerajaan juga menyediakan RM100 juta untuk Insentif Pengeluaran Getah bertujuan meningkatkan pendapatan pekebun kecil yang terjejas akibat kejatuhan harga getah," katanya.

RM810 juta untuk kebajikan warga FELDA

KUALA LUMPUR - Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM810 juta khusus untuk kebajikan masyarakat Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda).

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, peruntukan itu diarahkan kepada lima perkara, antaranya sebanyak RM250 juta untuk program bagi meningkatkan pendapatan kira-kira 11,600 peneroka di seluruh Malaysia.

"Kedua, sebanyak RM300 juta untuk hapus kira faedah pinjaman peneroka, ketiga sebanyak RM100 juta bagi bekalan air Felda, keempat sebanyak RM70 juta untuk perumahan generasi baharu peneroka dan sebanyak RM90 juta untuk menaik taraf jalan serta infrastruktur asas di kawasan Felda," katanya pada pembentangan Belanjawan 2020 di Parlimen semalam.

Menurutnya, Belanjawan 2020 juga akan menyediakan sebanyak RM738 juta untuk Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) dan Lembaga Penyatuan dan Perumahan Tanah Persekutuan (Felcra) untuk melaksanakan pelbagai program penajaan pendapatan.

"Ia memberi manfaat kepada lebih 300,000 pekebun kecil Risda dan 100,000 peserta Felcra," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/10/2019	MALAYSIA KINI	ONLINE	

RM4.9 bilion untuk tingkat pendapatan sektor pertanian



Dalam usaha memperkasakan sektor pertanian negara, sebanyak RM4.9 billion peruntukan akan disalurkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi tahun 2020.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata menerusi Belanjawan 2020, peruntukan itu memberi fokus khusus kepada meningkatkan pendapatan bagi pengusaha pertanian.

"Kerajaan akan meningkatkan jumlah Elaun Sara Hidup Nelayan daripada RM200 kepada RM250 sebulan, menjadikan peruntukan keseluruhan sebanyak RM152 juta pada tahun 2020," katanya ketika membentangkan Belanjawan 2020 di Dewan Rakyat hari ini.

Belanjawan 2020 adalah belanjawan kali kedua oleh kerajaan Pakatan Harapan, sejak mengambil alih memerintah negara pada Mei 2018.

Menerusi Belanjawan 2020 bertemakan 'Pertumbuhan dan Keberhasilan Saksama Ke Arah Kemakmuran Bersama' itu, Lim berkata kerajaan turut memperuntukkan RM150 juta sebagai galakan program integrasi tanaman seperti cili, nanas, kelapa, tembikai dan buluh kepada petani, nelayan dan pekebun kecil.

Lim berkata kerajaan juga berhasrat menjadikan padi pulut sebagai produk perdana Pulau Langkawi bagi meningkatkan pendapatan petani.

"Bagi menyokong inisiatif ini, kerajaan akan memperuntukkan RM30 juta untuk penghasilan beras pulut di Pulau Langkawi yang dijangka memberi manfaat kepada 1,200 petani.

"Bagi meningkatkan hasil padi, kerajaan akan meningkatkan peruntukan input padi sebanyak RM855 juta bagi tahun 2020 berbanding RM796 juta pada 2019 di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP)," katanya.

Jelas beliau lagi kerajaan juga akan meneruskan subsidi padi bukit atau padi huma.

Lim berkata, kerajaan juga akan memperuntukkan RM43 juta ke arah pembangunan Industri Pertanian 4.0 bagi membangunkan baka yang berkualiti dan berproduktiviti tinggi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/10/2019	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Sektor pertanian diunjur berkembang 3.4% pada 2020



Sektor pertanian diunjur berkembang 3.4 peratus pada 2020 dengan sebahagian besar pertumbuhan dipacu oleh pengeluaran subsektor perladangan, ternakan dan pertanian yang lebih tinggi, menurut laporan Tinjauan Ekonomi 2020 yang dikeluarkan Kementerian Kewangan.

Angka ini adalah rendah berbanding perkembangan kukuh sebanyak 4.9 peratus dalam tempoh separuh pertama 2019 dan dijangka 4.3 peratus bagi keseluruhan tahun ini, didorong oleh pemulihan pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) dan getah asli serta peningkatan output subsektor ternakan dan pertanian lain.

"Subsektor kelapa sawit yang merupakan penyumbang terbesar kepada sektor pertanian diunjurkan kembali pulih 7.7 peratus pada 2019 sebelum kembali ke paras normal 5.5 peratus pada 2020. Prestasi lebih baik ini didorong terutamanya oleh peningkatan pengeluaran MSM berikutan cuaca yang baik dan peluasan kawasan matang kelapa sawit," kata laporan itu.

Eksport MSM pula dijangka bertambah baik berikutan penurunan cukai import oleh India dan jangkakan peningkatan permintaan dari pasaran utama seperti China, Singapura dan Amerika Syarikat (AS).

Di samping itu, perjanjian perdagangan dua hala dengan China dijangka meningkatkan eksport minyak sawit sebanyak 1.9 juta tan, bernilai RM4.6 billion dari 2019 hingga 2023, yang menyokong prestasi subsektor ini.

Stok minyak sawit diunjurkan berkurangan kepada 2.5 juta tan pada 2019 dan terus menyusut kepada 2.4 juta tan pada 2020.

Menurut laporan itu, harga MSM adalah pada RM2,015 satu tan dalam tempoh suku pertama 2019 dengan stok berjumlah hampir tiga juta tan.



Harga MSM dijangka kekal rendah iaitu RM2,000 satu tan pada 2019 berikutan stok yang tinggi serta jangkakan penurunan harga minyak mentah dan minyak sayuran lain seperti minyak kacang soya dan minyak biji sesawi.

Bagaimanapun, harga dijangka meningkat kepada RM2,100 setan pada 2020 berikutan peningkatan penggunaan domestik bagi biodiesel serta permintaan lebih tinggi daripada pasaran utama dalam persekitaran persaingan harga berbanding minyak sayuran lain, kata laporan itu.

"Eksport bagi subsektor getah dijangka melonjak semula 7.3 peratus pada 2019 dan berkembang kepada 4.4 peratus pada 2020, didorong oleh pengeluaran getah asli lebih tinggi berikutan penambahan kawasan matang sebanyak 50,000 hektar," menurut laporan itu.

Manakala bagi subsektor ternakan pula, ia dianggarkan berkembang 5.6 peratus pada 2019 dan 5.1 peratus pada 2020 berikutan peningkatan permintaan dari pasaran domestik dan eksport.

Menurut laporan itu, sektor perlombongan pula dijangka mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 0.3 peratus pada 2020 didorong oleh permintaan domestik yang lebih kukuh daripada industri petrokimia serta peningkatan eksport gas asli cecair terutama ke China, Jepun dan Korea Selatan.

Subsektor ini dijangka mendapat manfaat daripada permulaan operasi Pembangunan Medan Penuh Lembagan Melayu Utara di Semenanjung Malaysia serta projek Gorek, Bersepadu Bokor (Fasa 3) and pembangunan semula Betty di Sarawak.

Laporan itu menjelaskan harga minyak mentah akan dipengaruhi oleh ketidaktentuan pertumbuhan global; pengurangan pengeluaran oleh Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan bukan OPEC; pengeluaran minyak AS; ketegangan perdagangan antara AS dan China; dan pergolakan geopolitik (terutamanya di Iran, Iraq, Libya dan Venezuela).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/10/2019	ASTRO AWANI	ONLINE	

Peruntukan penghasilan padi pulut manfaat lebih 1,200 petani

Petani di Langkawi Kedah menyambut baik hasil pengumuman pembentangan Belanjawan 2020 yang menjadikan padi pulut sebagai produk perdana di Pulau Bebas Cukai itu. Peruntukan 30 juta ringgit bagi penghasilan padi pulut sebagai produk perdana bakal memberi manfaat kepada lebih 1,200 petani.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/10/2019	BERITA HARIAN	ONLINE	

Kenaikan elaun sara hidup beri 'nafas' kepada nelayan



KOTA KINABALU: Keputusan kerajaan menaikkan elaun sara hidup nelayan menerusi Belanjawan 2020 daripada RM200 sebulan kepada RM250 sebulan mengurangkan bebanan golongan itu menyara keluarga terutama ketika musim tengkujuh.

Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Sabah (PENGASAH), Datuk Arsit Sedi, berkata tambahan sebanyak RM50 berbanding elaun sekarang memberi 'nafas' kepada nelayan untuk menampung keperluan keluarga apabila tidak turun ke laut.

Isu elaun sara hidup disuarakan nelayan sejak dua tahun lalu apabila diturunkan daripada RM300 sebulan kepada RM200 sebulan.

"Alhamdulillah, kerajaan prihatin dan mengambil kira keperluan golongan nelayan. Biar pun ia jumlah yang paling minimum (dengan penambahan RM50), kita berasa lega dan boleh bernafas sedikit kerana tambahan itu membolehkan nelayan membeli keperluan asas.

"Sejak dua tahun lalu apabila elaun diturunkan, kita merayu kepada kerajaan dan akhirnya rintihan nelayan didengar," katanya ketika dihubungi di sini, sebentar tadi.

Arsit berkata, ada lebih 5,000 nelayan di Sabah yang layak mendapatkan elaun sara hidup bakal menerima manfaat daripada kenaikan itu.

Katanya, pihaknya juga sedang mencari kaedah bagi membantu golongan nelayan meningkatkan hasil terutama apabila musim tengkujuh atau bencana yang menyebabkan mereka tidak dapat meneruskan kegiatan menangkap ikan.

"Kita dalam proses untuk bekerjasama dengan Korperasi Kemajuan Nelayan dan Perikanan Sabah (Ko-Nelayan) untuk mencari kaedah menggabungkan nelayan bagi mewujudkan projek ternakan ikan dalam sangkar.

"Kaedah ini mungkin memerlukan kos yang tinggi, namun kita akan lakukan secara kecil-kecilan dulu untuk membantu nelayan," katanya.

Bagi Pengerusi Petani Organik Kampung Tambatuon, Kota Belud, Magret Darusin, beliau menyifatkan peruntukan input padi sebanyak RM855 juta bagi 2020 sebagai suatu yang baik dan berharap penanam padi di kampung itu turut menikmati peruntukan berkenaan.

Beliau bagaimanapun berharap peruntukan kerajaan sebanyak RM43 juta ke arah pembangunan Industri Pertanian 4.0 bagi membangunkan baka yang berkualiti dan berproduktiviti tinggi turut membabitkan penanaman padi secara organik.

"Sebagai penanam padi secara organik, kami berharap ada juga peruntukan untuk kami dalam usaha meningkatkan pengeluaran padi yang ditanam secara organik. Ini kerana tanaman padi secara organik adalah baik untuk kesihatan," katanya.

Kampung Tambatuon mempunyai 92 penanam padi dengan 23 daripadanya menanam padi secara organik.

RAYUAN DIDENGARI

Nelayan lega elaun sara hidup dinaikkan RM50

Oleh Suzianah Jiffar
dan Poliana
Ronnie Sidom
am@hmetro.com.my

Kota Kinabalu

Keputusan kerajaan menaikkan elaun sara hidup nelayan menerusi Belanjawan 2020 daripada RM200 sebulan kepada RM250 sebulan mengurangkan bebanan golongan itu menyara keluarga terutama ketika musim tengkujuh.

Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Sabah (Peng-

sah), Datuk Arsit Sedi, berkata tambahan RM50 berbanding elaun sekarang memberi nafas kepada nelayan bagi menampung keperluan keluarga apabila tidak turun ke laut.

Isu elaun sara hidup disuarakan nelayan sejak dua tahun lalu apabila diturunkan daripada RM300 sebulan kepada RM200 sebulan.

"Alhamdulillah, kerajaan prihatin dan ambil kira keperluan golongan nelayan. Biar pun ia jumlah paling minimum (dengan penambahan RM50), kami lega dan kerana tambahan itu mem-

bolehkan membeli keperluan asas.

"Sejak dua tahun lalu apabila elaun diturunkan, kami merayu kepada kerajaan dan rintihan itu didengar," katanya, semalam.

Arsit berkata, ada lebih 5,000 nelayan di Sabah yang layak mendapatkan elaun sara hidup bakal menerima manfaat itu.

Bagi Pengerusi Petani Organik Kampung Tambatuon, Kota Belud, Magret Darusin, beliau menyifatkan peruntukan input padi RM855 juta bagi 2020 sebagai berita baik dan berharap penanam padi

di kampung itu turut menikmati peruntukan berkenaan.

Beliau bagaimanapun berharap peruntukan kerajaan RM43 juta ke arah pembangunan Industri Pertanian 4.0 bagi membangunkan baka berkualiti dan berproduktiviti tinggi turut memabitkan penanaman padi secara organik.

"Sebagai penanam padi organik, kami harap ada peruntukan dalam usaha meningkatkan pengeluaran.

Ini kerana tanaman padi organik adalah baik untuk kesihatan," katanya.



NASIB golongan nelayan kini lebih terbela dengan elaun RM250 sebulan.

BELANJAWAN 2020

Pertanian

RM810j tingkat pendapatan 11,600 peneroka FELDA

Kerajaan terus sokong industri sawit, FELCRA, nelayan

Kuala Lumpur: Prihatin terhadap kebajikan masyarakat di tanah rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), kerajaan memperuntukkan sejumlah RM810 juta termasuk RM250 juta bagi program meningkatkan pendapatan 11,600 penerokanya.

Perbelanjaan itu turut membabitkan RM300 juta bagi hapus kira faedah pinjaman peneroka, RM100 juta bagi bekalan air, RM70 juta untuk perumahan generasi baharu dan RM90 juta bertujuan menaik taraf jalan dan infrastruktur asas di kawasan FELDA.

Berikutan itu, kerajaan terus menyokong industri kelapa sawit dengan memperuntukkan sejumlah RM550 juta kepada pekebun kecil menerusi dana pinjaman penanaman semula tanpa cagaran.

Berikutan kesan harga komoditi rendah yang menjelaskan mereka, dana itu menawarkan kadar faedah serendah dua peratus setahun dengan tempoh pinjaman selama 12 tahun termasuk empat tahun moratorium bagi pembayaran balik.

Menerusi dana yang disediakan, penanaman semula bakal menggunakan teknik semaian terkini yang mematuhi piawaian Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPPO) sekali gus memastikan produktiviti dan kebolehpasaran hasil yang lebih baik.

Dalam usaha menangani kempen anti-minyak sawit, sejumlah RM27 juta diperuntukkan untuk menyokong Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) meluaskan pasaran minyak sawit ke peringkat antarabangsa.

Pelaksanaan penggunaan Biodiesel B20 dalam sektor pengangkutan menjelang akhir tahun depan, dijangka mampu meningkatkan permintaan minyak sawit sebanyak 500,000 tan setahun.

Sejumlah RM200 juta pula diperuntukkan bagi Bantuan Musim Tengkujuh kepada pekebun kecil getah di bawah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil



Kerajaan tetap prihatin kepada warga FELDA dengan menyediakan peruntukan RM810j.

(Gambar hiasan)

Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS).

RM100 juta pula disediakan untuk Insentif Pengeluaran Getah bertujuan meningkatkan pendapatan pekebun kecil yang terjejas akibat kejatuhan harga getah.

RISDA dan Lembaga Penyatuan dan Pemuliharaan Tanah Persekutuan (FELCRA) bakal meneruskan sejumlah RM738 juta bagi melaksanakan pelbagai program penajaan pendapatan yang akan memberi manfaat kepada lebih 300,000 pekebun kecil RISDA dan 100,000 peserta FELCRA.

Peruntukan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ditambah daripada RM4.4 bilion pada 2019 kepada RM4.9 bilion bagi tahun depan dengan memberi fokus khusus untuk meningkatkan pendapatan pengusaha pertanian.

Elan Sara Hidup Nelayan akan ditingkatkan daripada RM200 kepada RM250 sebulan, membabitkan peruntukan keseluruhan RM152 juta.

Sebanyak RM150 juta juga diperuntukkan bagi membantu petani, nelayan dan pekebun kecil mempelbagaikan sumber pendapatan menerusi program integ-

rasi tanaman seperti cili, nenas, kelapa, tembikai dan buluh.

Sejumlah RM30 juta akan dibelanjakan bagi penghasilan beras pulut sebagai produk perdana di Pulau Langkawi untuk dimanfaatkan 1,200 petani.

Peruntukan input padi turut ditingkatkan kepada RM855 juta berbanding RM796 juta tahun la-

lu, di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) selain meneruskan subsidi padi bukit atau padi huma.

Bagi membangunkan baka berkualiti dan berproduktiviti tinggi sejumlah RM43 juta diperuntukkan ke arah pembangunan Industri Pertanian 4.0.



Elan sara hidup nelayan turut dinaikkan babitkan peruntukan RM152 juta.



Peruntukan itu mampu jadikan kami lebih berdaya saing dan bakal meringankan beban golongan petani.

Ibas Hamud,
Pesawah



Melihatkan usaha kerajaan untuk memperkasa industri sawit diharapkan semua ini mampu menjana ekonomi FELDA.

Mazni Othman,
Ikon Generasi Kedua FELDA
Lasah, Perak



Kami memang nanti insentif pengeluaran padi ditingkatkan kerana pesawah di Sabah sering berhadapan masalah membajak tidak ikut jadual asal.

Amran @ Arman Sidiq,
Pesawah Kota Belud, Sabah